

14 MAY 1999

Mahathir-Ranau

MAHATHIR GEMBIRA BERTEMU RAKYAT DI RANAU

RANAU, 14 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan rasa gembira kerana akhirnya dapat bertemu penduduk Ranau selepas lawatan yang dijadualkan Mac lepas tidak dapat dilakukan ekoran keadaan cuaca yang tidak mengizinkan.

"Memang hajat saya, sejak beberapa lama untuk datang ke Ranau yang indah ini tetapi malangnya kerana sebab yang tidak dapat dielakkan saya tidak dapat melawatnya sebelum ini," kata Perdana Menteri pada perhimpunan bersama rakyat daerah Ranau di Dewan Orang Ramai di sini.

Dr Mahathir dijadualkan melawat daerah pergunungan ini 11 Mac lepas, sehari sebelum pilihan raya negeri kesembilan, tetapi terpaksa membatalkannya kerana cuaca buruk menghalang penerbangan beliau dengan helikopter ke sini.

Amanat beliau ketika itu bagaimanapun dapat diikuti secara langsung oleh penduduk Ranau melalui siaran radio.

Perdana Menteri yang tiba di sini pagi ini dengan helikopter Nuri Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), turut berterima kasih kepada penduduk daerah ini atas kemenangan calon Barisan Nasional (BN) Datuk Siringan Gubat bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Ranau.

"Percayalah BN sebagai sebuah kerajaan di Sabah dan di peringkat pusat tidak akan lupa terhadap sokongan yang diberi oleh penduduk Ranau," katanya dengan disambut tepukan gemuruh lebih 3,000 hadirin.

Menurut Dr Mahathir, beliau pernah melawat Ranau pada tahun 1965 dan mendapati keadaan ketika ini jauh lebih baik daripada sebelumnya.

"Seingat saya ketika itu tidak ada bandar di sini, jalannya pun berdebu tetapi hari ini kedai-kedai dan rumah yang indah sudah ada. Ini sebahagian hasil pembangunan yang dilaksanakan kerajaan," katanya.

Beliau juga berjanji akan cuba membawa pembangunan ke daerah ini dan memberi bantuan seberapa boleh kepada para penduduk.

Perdana Menteri berharap penduduk daerah ini akan terus mengekalkan kehidupan harmonis antara mereka.

"Jangan benarkan sesiapa menghasut supaya tuan-tuan menamatkan cara hidup yang harmonis ini," kata Dr Mahathir.

Sementara itu, beberapa penduduk yang ditemui, menyatakan rasa gembira dengan kehadiran Perdana Menteri di daerah ini.

Seorang daripada mereka Rasmin Saidan berkata kehadiran Dr Mahathir memberikan semangat kepada mereka untuk berusaha lebih gigih memajukan diri.

Rakan beliau, Maradan Kentoh pula berkata peluang bersua muka dengan Perdana Menteri memang sentiasa dinanti penduduk dan lawatan beliau hari ini menunjukkan beliau prihatin terhadap rakyat di kawasan ini.

Seorang surirumah Taat Lakim pula kagum dengan ucapan Dr Mahathir yang disifatkan sebagai dapat menaikkan semangat cinta kepada negara.

-- BERNAMA

KHY+JS RON